

SIARAN MEDIA

MyCC MENERIMA PELBAGAI ADUAN BERKAITAN ISU PERKHIDMATAN P-HAILING

KUALA LUMPUR, 26 JULAI 2021 – Berikutan rintihan masyarakat baru-baru ini mengenai kualiti perkhidmatan, pengenaan caj komisen yang tinggi dan harga makanan dan minuman yang dikenakan oleh syarikat penghantaran makanan di atas platform tertentu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("MyCC") telah dan sedang aktif mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai perkara-perkara berkenaan. MyCC juga sedang memantau dan menilai dengan teliti keadaan tersebut sekiranya terdapat pelanggaran oleh beberapa platform penghantaran makanan melanggar Akta Persaingan 2010.

"MyCC bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ("KPDNHEP") telah bertemu dengan pihak-pihak berkaitan termasuk pemain industri makanan dan minuman (F&B) serta pemain-pemain runcit yang berkaitan untuk memahami isu-isu yang dibangkitkan oleh mereka. Berdasarkan beberapa mesyuarat yang telah dijalankan, kami telah mengenal pasti beberapa masalah dan cabaran-cabaran yang berkaitan dengan bukan sahaja isu persaingan, tetapi juga isu kepenggunaan. Bagi langkah seterusnya untuk menangani isu ini, kami akan mengadakan pertemuan dengan syarikat-syarikat platform penghantaran makanan." kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

"MyCC mengambil berat keseriusan isu-isu ini dan sedang melihat situasi ini dari segenap sudut dari perspektif Akta Persaingan 2010, terutama mengenai perlakuan oleh syarikat platform penghantaran makanan terhadap pemain industri makanan dan minuman, penghantar (*riders*) dan pengguna sama ada isu ini menimbulkan isu persaingan atau tidak."

Iskandar selanjutnya mengatakan bahawa semua pilihan sedang dipertimbangkan dalam menangani isu-isu ini, termasuk menggunakan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta Persaingan 2010 dan bekerjasama rapat bersama KPDNHEP untuk mendapatkan penyelesaian komprehensif bagi semua isu yang dibangkitkan oleh pemain industri yang berkaitan.

Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 jelas melarang perusahaan untuk terlibat dalam perjanjian antipersaingan (kartel) dan Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 pula melarang penyalahgunaan kedudukan dominan mereka dalam pasaran. Tindakan juga boleh diambil terhadap sekumpulan perusahaan besar yang telah menyalahgunakan kedudukan dominan mereka secara kolektif. Pengguna dan perusahaan boleh menyalurkan maklumat mengenai aduan yang berkaitan dengan salah laku perkhidmatan syarikat penghantaran makanan dengan membuat aduan tersebut di laman sesawang MyCC atau tulis ke complaint@mycc.gov.my atau melalui *Whatsapp* di **+6019 215 2273**. Setiap individu yang membuat aduan dinasihatkan untuk memberikan maklumat lengkap bersama bukti yang relevan untuk aduan tersebut.

--tamat--

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Azila Ahmad, Pengarah, Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit : +6019 268 7030

Emel : azila@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkukuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.

ANNEXE A

Nota Pengarang:

Maklumat mengenai Seksyen 4 dan 10 Akta Persaingan 2010

Seksyen 4: Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang

Seksyen 4 (1) – Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Seksyen 4 (2) – Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk-

- (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
- (b) berkongsi pasaran atau punca berkaitan;
- (c) membataskan atau mengawal-
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan; atau
- (d) melakukan tipuan bida

disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Seksyen 4 (3) – Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggung bagi pelanggaran larangan itu.

Seksyen 10: Penyalahgunaan kedudukan dominan dilarang

Seksyen 10 (1) – Suatu perusahaan dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Seksyen 10 (2) – Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk-

- (a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;
- (b) membataskan atau mengawal-
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan,

sehingga memudaratkan pengguna;

- (c) enggan untuk membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan tertentu;
- (d) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh-
 - (i) tidak menggalakkan kemasukan baru ke dalam pasaran atau pengembangan atau pelaburan oleh pesaing yang sedia ada;
 - (ii) memaksa keluar dari pasaran atau selainnya merosakkan secara serius seorang pesaing yang sedia ada yang tidak kurang cekapnya berbanding dengan perusahaan dalam kedudukan dominan itu; atau

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

- (iii) memudaratkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran hiliran atau huluan;
- (e) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk kepada penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;
- (f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau
- (g) membeli barangan perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barangan perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.

Seksyen 10 (3) – Seksyen ini tidak melarang suatu perusahaan yang dalam kedudukan dominan daripada mengambil apa-apa langkah yang mempunyai justifikasi komersial yang munasabah atau merupakan suatu respons komersial yang munasabah kepada kemasukan ke dalam pasaran atau perlakuan pasaran seorang pesaing.

Seksyen 10 (4) – Hakikat bahawa bahagian pasaran mana-mana perusahaan adalah mengatasi atau di bawah apa-apa peringjat tertentu tidak dengan sendirinya boleh dianggap sebagai konklusif tentang sama ada perusahaan itu berada, atau tidak berada, pada suatu kedudukan dominan dalam pasaran itu.